

Mahathir: Langkah mengatasi kesan kemarau

Simpanan beras ditambah



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Simpanan beras negara akan ditambah kepada lebih 300,000 tan berikutan ancaman kemarau sekarang, demikian dimumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bellau memberitahu, simpanan yang ada sekarang sebanyak 280,000 tan dan "terpaksa ditambah kepada lebih 300,000 tan berikutan kemarau sekarang," ujarnya.

Keputusan

Katanya, keputusan tersebut diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai beras yang bersidang di sini pagi tadi dipengerusikan oleh bellau sendiri.

Bellau menyatakan satu rombongan pegawai-pegawai kerajaan akan dihantar ke Burma, China dan Thailand secepat mungkin bagi merun-

Oleh NORDIN MOHAMAD

dingkan pembelian beras dari negara-negara tersebut untuk stok simpanan negara.

Dato Seri Dr. Mahathir memberi jaminan simpanan beras negara adalah mencukupi dan langkah kerajaan meredakan simpanan itu ialah memandangkan keadaan kemarau sekarang.

Mengenal masalah bekalan gula pula, bellau menyatakan rundingan antara Malaysia dan Australia akan diadakan lagi pada dua Februari ini di sini.

"Pada masa ini saya tidak dapat lagi memberi sebarang kenyataan mengenai perkara ini kerana rundingan lanjut akan disambung semula," ujarnya.

Rundingan

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu lagi, mesyuarat hari ini juga membincangkan masalah kekurangan bekalan bawang lada.

Bellau mengumumkan kemungkinan Kerajaan melalui Kementerian Pertanian akan melaksanakan rancangan menanam bawang merah.

Mengenal usaha kerajaan memajukan kawasan sempadan di Gunung Perlis, bellau menyatakan, rancangan itu didapati memberi kesan dalam usaha-usaha untuk menyekat dan membentasi kegiatan penyeludup di situ.

Menurutnya, Kerajaan sedang mengkaji cara-cara untuk mengutamakan lagi pengawasan di sempadan untuk memastikan tidak ada lagi penyeludupan seperti dadah dan sebagainya.

Katanya lagi, kajian juga sedang dibuat untuk membina sebuah pekan baru di Raki Bukit dan melengkapkan berbagai kemudahan untuk Jabatan-jabatan Kastam, Imigrasi dan Polis di sempadan.

Sementara itu, Shahr Bakar melaporkan, Fama hanya akan mengawal segala pemasaran hasil-hasil ternakan dan tanaman koman di bawah rancangan pemulihan darurat para petani kawasan Muda.

"Bila keadaan perlu dan terdesak sahaja, Fama akan mengambilalih tanggungjawab pemasaran tersebut," kata pengerusinya Datuk Lahak Pateh Akhir, hari ini.

"Malah Fama akan bertindak menjadi sumber pembeli terakhir jika keadaan lebih mendesak," tambah bellau.

Katanya, Fama telahpun menyediakan perancangan dari sekarang dengan mengkaji sistem pemasaran tentang kemungkinan hasil-hasil yang dijangka dikeluarkan dari rancangan pemulihan tersebut.

Hasil-hasil ini akan dipasarkan oleh koperasi-koperasi dan peratuan pedagang berkenaan "selagi mereka berkemampuan seperti yang berjalan selama ini."

Fama bertindak mengawal segala pemasaran tersebut bagi memastikan petani-petani memperoleh faedah yang bersestiaan.

No. Sili - 1218
No. Pen. - 889/80